



Ruj. Kami: JPA(I)S.175/8/26-58 Klt.2 (29)

Tarikh : 25 Oktober 2013

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PROGRAM SANGKUTAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DI SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN SESI 2014


Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pencalonan adalah dipelawa untuk pegawai-pegawai yang layak daripada Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/ Datin/Tuan/Puan untuk mengikuti Program Sangkutan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Di Syarikat-syarikat Swasta Republik Persekutuan Jerman bagi Sesi 2014. Butir-butir program tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

3. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

3.1 Syarat-Syarat Kelayakan

- (i) Berumur tidak melebihi **52 tahun pada 1 Januari 2013**;
- (ii) Pegawai-pegawai **Kumpulan Pengurusan dan Profesional**



Jabatan Akauntan Negara yang berada di dalam **Gred 48-54** dan telah berkhidmat Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan **sekurang-kurangnya 10 tahun dalam perkhidmatan awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) pada 1 Januari 2013**;

	KPPK (SKPSM)2	KPP (SKPSM)	KPP (SKPSM)2
	Ulasan	Bincang	Lain-lain
	Edaran	Failkan	

*Pa Mawar
 Lela Selis*

Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam
Driving Public Service Transformation



- (iii) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan purata 85 markah ke atas** bagi tempoh genap 3 tahun perkhidmatan terkini berturut-turut (2008, 2009 & 2010) atau (2010, 2011 & 2012). Penilaian setahun LNPT genap 12 bulan;
- (iv) Mempunyai potensi dan kewibawaan yang tinggi dan merupakan pelapis dalam menerajui organisasi;
- (v) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (vi) Telah mengisytiharkan harta;
- (vii) Menguasai penggunaan Bahasa Inggeris dengan baik; dan
- (viii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA.

3.2 Pencalonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam bidang-bidang berikut adalah digalakkan:

- (i) Pengurusan Ekonomi/Kewangan;
- (ii) Pengurusan Sumber Manusia/Latihan (termasuk *industrial training*);
- (iii) Pengurusan Inovasi, Kualiti dan Produktiviti;
- (iv) Pengurusan Perniagaan, Perdagangan dan Perindustrian;
- (v) Pengurusan Pengangkutan;
- (vi) Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan;
- (vii) Pengurusan Alam Sekitar;
- (viii) Perancangan dan Pembangunan Air dan Tenaga;
- (ix) Pengurusan Sains dan Teknologi;
- (x) Perancangan dan Pembangunan Infrastruktur;
- (xi) Penyelidikan dan Pembangunan;
- (xii) Pemasaran;
- (xiii) Pengurusan Teknologi / Industri;
- (xiv) Pengurusan Teknologi Maklumat;

4. **Tatacara Permohonan/Pencalonan:**

4.1 Tanggungjawab Pegawai

4.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara dalam talian di Portal JPA, <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esila.jpa.gov.my>.

Permohonan dibuka mulai 25 Oktober 2013 sehingga 8 November 2013.

4.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Salinan Ijazah Pertama atau kelayakan yang setaraf dengannya;
- (ii) Salinan Ijazah Sarjana (jika ada);
- (iii) Salinan Ijazah Ph.D (jika ada);
- (iv) Salinan Senarai Tugas;
- (v) Borang CV (**Appendix A**);
- (vi) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN B**); dan
- (vii) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN C**).

4.1.3 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

4.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan

4.2.1 Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja; dan

4.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dengan menggunakan **Borang JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN C)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 4.1.2**.

4.3 Tarikh Tutup Permohonan/Pencalonan:

4.3.1 Tarikh tutup permohonan *online* bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **8 November 2013**.

4.3.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan adalah pada **15 November 2013**.

4.3.3 Semakan panggilan ke sesi temuduga akan diumumkan di laman web JPA iaitu **<http://www.jpa.gov.my>** atau **<http://esilav2.jpa.gov.my>** pada **9 Disember 2013**.

4.3.4 Keputusan pencalonan yang berjaya akan diumumkan di Portal JPA, **<http://www.jpa.gov.my>** atau **<http://www.jpa.gov.my>** pada bulan Mac 2014.

4.3.5 Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebelum dihantar ke Jabatan ini di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.

(u.p : Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan)

Semua pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini, sila hubungi:

Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan

Telefon : 03 - 88853546

Faks : 03 - 88892171

Emel : ldp@jpa.gov.my

5. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam menjayakan program ini didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(REDHAUDDIN BIN KAMARUZAMAN)

Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

1. OBJEKTIF KURSUS

Program ini dijalankan dengan kerjasama Carl Duisberg Centren (CDC), Republik Persekutuan Jerman dengan tujuan untuk mendedahkan pegawai-pegawai Kerajaan kepada persekitaran kerja sektor korporat yang lebih dinamik dan mencabar selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia. Secara khususnya, program ini mempunyai objektif-objektif berikut:

- 1.1 Mendedahkan pengurus-pengurus perkhidmatan awam kepada persekitaran kerja dan pemikiran sektor korporat Republik Persekutuan Jerman khususnya dan Eropah amnya;
- 1.2 Mendedahkan pengurus-pengurus perkhidmatan awam kepada teknik-teknik pengurusan sektor korporat Republik Persekutuan Jerman khususnya dan Eropah amnya; dan
- 1.3 Menjalin dan mempereratkan rangkaian perhubungan, kerjasama dan perantaraan perkhidmatan awam Malaysia dengan sektor korporat antarabangsa.

2. TEMPOH KURSUS

Program ini dijadual akan bermula mulai **14 April 2014 sehingga 29 Mei 2014** (tertakluk kepada perubahan) iaitu selama lebih kurang 7 minggu (46 hari).

3. STRUKTUR KURSUS

Secara umumnya, struktur program ini adalah seperti berikut:

MODUL	PERKARA	TEMPOH
1.	Kursus pra sangkutan di INTAN	12 hari (14 April 2014 - 25 April 2014)
2.	<i>Business Management Course</i> seminar di Cologne (termasuk 2 hari perjalanan bertolak ke Jerman)	9 hari (26 April 2014 - 4 Mei 2014)
3.	Sangkutan di Syarikat di Jerman	14 hari (5 Mei 2014 - 18 Mei 2014)
4.	Lawatan penanda aras ke syarikat-syarikat dan agensi Kerajaan di Frankfurt (termasuk 2 hari perjalanan pulang ke Malaysia)	7 hari (19 Mei 2014 - 25 Mei 2014)
5.	Penyediaan/Pembentangan laporan serta penilaian kursus di INTAN	4 hari (26 Mei 2014 - 29 Mei 2014)
6.	Majlis Penutup Program	29 Mei 2014
	JUMLAH	46 hari / 7 minggu

Di bawah Modul 5, para peserta dikehendaki menyediakan kertas laporan untuk pembentangan kepada Panel Penilai. Sesi pembentangan akan turut dihadiri oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan para peserta.

4. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

Pegawai yang terpilih untuk mengikuti program ini layak dibayar elaun-elaun dan kemudahan mengikut ketetapan kemudahan dan kelayakan Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus di bawah **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2005**.

Private Sector Management and Attachment Programme For
Senior Malaysian Public Sector Executives: German Module 2014

APPLICANT'S CV FORM

Name of applicant :
Title or Position :
Division/
Department :
Grade of Post :
Tel. (office) :
Fax :
E-mail :
I/C No. :
Date of Birth :
Tel. (House) :

Please describe your main function/role and other responsibilities within the organization (please type).

Please explain your reasons for participating and benefits you expect from this programme : (please type).

(Please continue on supplementary pages if necessary)

Signature of applicant : _____

Date : _____

BORANG PERAKUAN KETUA JABATAN

JABATAN/AGENSI : _____
 KEMENTERIAN : _____

Butir-butir Perkhidmatan

- a) Nama :
 b) No. K/P :
 c) Tarikh Lahir :
 d) Umur :
 e) Skim Perkhidmatan :
 f) Gred Jawatan Hakiki :
 g) Tarikh Lantikan : (dalam skim perkhidmatan terkini)
 h) Tarikh Sah : (dalam skim perkhidmatan terkini)
 i) Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (dalam skim perkhidmatan terkini) :
- | | | | | |
|-------------------|---|--|--------|---|
| i) Tahun | : | | Markah | : |
| ii) Tahun | : | | Markah | : |
| iii) Tahun | : | | Markah | : |
| iv) Purata Markah | : | | | : |
- j) Tindakan Tatatertib : Ada/Tiada
 k) Pengistiharan Harta : Ada/Tiada
 l) Sokongan : Disokong / Tidak Disokong

m) Pegawai boleh / tidak boleh dilepaskan untuk menjalani kursus pada sesi yang dipohon.

Saya mengesahkan bahawa kenyataan yang diberikan oleh _____
 _____ adalah benar dan permohonan
 beliau adalah lengkap.

DIPERAKUKAN OLEH:

 (Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama Pegawai : _____
 Jawatan : _____
 Jabatan/ Kementerian : _____
 Tarikh : _____
 Cop Rasmi Jabatan : _____


LAPORAN JAWATANKUASA LATIHAN KEMENTERIAN/JABATAN
UNTUK KURSUS DALAM PERKHIDMATAN

(Borang ini hendaklah DITAIP)

1. TAJUK KURSUS				
2. TEMPAT KURSUS				
3. TEMPOH KURSUS				
4. PENGANJUR				
5. BIL. PERMOHONAN DITERIMA				
6. BIL. CALON YANG LAYAK				
7. BUTIR-BUTIR CALON YANG DIPERAKUKAN (Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)				
Nama dan Jawatan Calon	Kelulusan / Institut / Tahun	Perkhidmatan Sekarang		Tarikh Lahir / Umur
		T/Lantikan	T/Sah	
<u>Calon Tetap</u>				
<u>Calon Simpanan</u>				
8. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA LATIHAN		ASAS ASAS PERAKUAN		
<p><u>PENGERUSI:</u></p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p><u>AHLI :</u></p> <p>1. Nama : Jawatan:</p> <p>2. Nama: Jawatan:</p> <p>..... (Tandatangan Pengerusi/Setiausaha)</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p>Cop Rasmi Kerajaan:</p> <p>Tarikh:</p>		<p><u>PERAKUAN</u></p> <p>DENGAN PERAKUAN INI KETUA JABATAN/ KETUA PERKHIDMATAN BERSETUJU MELULUSKAN PEGAWAI UNTUK BERKURSUS</p>		

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Bahagian Pengurusan
No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 **PUTRAJAYA**
(u.p. : Puan Norsham Binti Rahin)

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
No 15, Aras 2, Persiaran Perdana Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 **PUTRAJAYA**
(u.p. : Puan Suraya binti Adnan)



Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara
Seksyen Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
Kompleks Kementerian Kewangan
No 1 Persiaran Perdana, Tingkat 6
Presint 2
62594 **PUTRAJAYA**
(u.p. : Puan Fikriah binti Haji Abdul Rahman)

Ketua Polis Negara
Polis Diraja Malaysia
Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan)
Jabatan Pengurusan
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 **KUALA LUMPUR**
(u.p. : YDH. DCP Dato' Shabudin bin Abdul Wahab)

Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara
(PERHILITAN)
Bahagian Pengurusan
Seksyen Pembangunan Sumber Manusia
Kilometer 10, Jalan Cheras
56100 **KUALA LUMPUR**
(u.p. : YBhg. Dato' Suid bin Saad)